

Perbincangan isu pengagihan gas PETRONAS, PETROS selesai

Ada beberapa perkara perlu dimuktamadkan termasuk implikasi undang-undang

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my


Kuala Lumpur: Perbincangan mengenai isu pengagihan gas di antara Petrolim Nasional Berhad (PETRONAS) dan Petroleum Sarawak Berhad (PETROS) sudah selesai, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, ada beberapa perkara masih perlu dimuktamadkan oleh kedua-dua pihak termasuk implikasi undang-undang.

“Saya telah mengadakan sesi (perbincangan) yang baik dengan Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg, keputusan yang jelas sudah dicapai.

“Kami sedang memperincikan pada butiran, parameter dan implikasi undang-undang, namun prinsip sudah dijelaskan,” katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Peluncuran National AI Office (NAIO) di Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC) di sini, semalam.

Bagaimanapun, ketika ditanya mengenai bila beliau akan mengumumkan keputusan perbincangan mengenai isu itu, Anwar



Anwar selepas menyempurnakan majlis pelancaran Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan (NAIO) di Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC), semalam. Turut hadir Menteri Digital, Gobind Singh Deo; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz; Menteri Pengangkutan, Anthony Loke dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar. (Foto BERNAMA)

enggan mengulas.

BH kelmarin melaporkan, isu agregator gas tunggal di antara PETRONAS dan PETROS akan dimuktamadkan dalam masa terdekat.

Abang Johari dilaporkan berkata perkara itu sudah dibincangkannya dengan Anwar dalam satu pertemuan, baru-baru ini.

Beliau turut dilaporkan berkata pengumuman mengenai keputusan itu akan diumumkan oleh

Perdana Menteri sendiri dalam masa terdekat.

Tempoh tiga bulan

Julai lalu, Sarawak memberi tempoh lanjutan tiga bulan kepada PETRONAS untuk memuktamadkan susunan penyeliaan pengagihan gas di negeri itu dengan PETROS.

Sebelum itu, Sarawak memutuskan syarikat petroleum milik kerajaan negeri, PETROS mengambil alih peranan dalam semua

aktiviti jual beli gas asli di negeri ini bermula 1 Julai lalu.

Bagaimanapun, PETRONAS meminta penangguhan kerana pengagihan gas ke Loji LNG di Bintulu akan terjejas dan kerajaan Sarawak kemudian memberi tempoh lanjutan selama tiga bulan.

Pada 31 Oktober lalu, Abang Johari mendedahkan PETROS menjadi agregator gas tunggal di negeri ini apabila secara dasarnya kedua-dua syarikat petrole-

um itu mencapai resolusi bersama berkaitan urusan pengagihan.

Bagaimanapun, PETRONAS dalam reaksi beberapa jam selepas pendedahan Abang Johari, menjelaskan proses perbincangan cadangan pelaksanaan Ordinan Pengedaran Gas (DGO) masih belum dimuktamadkan dan rundingan masih diteruskan untuk menyelaras kepentingan dan objektif semua pihak.